

# Belenggu pendidikan Islam

UTUSAN MALAYSIA JUMAAT 29 JULAI, 2005

Oleh ROSNI SAMAH

**P**ERHIMPUNAN Agung UMNO baru-baru ini banyak menyentuh tentang agenda Melayu yang perlu diberi perhatian. Di pentas itu ramai perwakilan turut membahaskan tentang betapa pentingnya pendidikan Islam dimartabatkan.

Usaha ini penting bagi membentuk pemikiran Melayu Islam yang ada jati diri dan bersifat kesederhanaan seperti yang dikehendaki oleh Islam.

Pendidikan Islam yang cemerlang dapat membentuk masyarakat makmur maju di muka bumi selain berupaya membina pembangunan yang baik.

Perkembangan globalisasi yang menyumbang kepada pembinaan tamadun dunia tidak begitu disenangi golongan tertentu yang tidak dapat menerimanya.

Justeru perkembangan tersebut ditolak dan dipinggirkan atas alasan ia bukan tradisi Islam dan bertujuan memerangi dan merosakkan akidah dan akhlak masyarakat Islam.

Berikutan sikap negatif seperti ini, masyarakat Islam masih berada dalam kepompong dan belenggu kemunduran yang tidak mampu berkembang selari dengan perkembangan arus perdana.

Mereka yang mempunyai fahaman sebegini menjadi penentang kepada pembangunan sedangkan pembangunan itu dikehendaki oleh Islam seperti firman Allah yang bermaksud: *Dia telah menciptakan kamu dari bumi dan menjadikan kamu pemakmurnya.* (Hud: 61)

Budaya negatif ini jelas dapat lihat dalam sistem pendidikan pengajian Islam yang enggan menerima perubahan khususnya dalam penggunaan teknologi moden dalam proses pembelajaran.

Proses pembelajaran masih berpegang kepada tradisi lama yang tidak dapat melahirkan insan yang boleh berinteraksi dalam arus perubahan semasa dan menghadapi cabaran globalisasi.

Graduan yang lahir daripada sistem pendidikan seperti ini dengan sendirinya terpinggir dari arus perdana kerana mereka tidak dibekalkan dengan ilmu pengetahuan moden.

Mereka tidak mampu menterjemahkan ilmu Islam yang dipelajari daripada kitab-kitab agama ke dalam kehidupan moden.

Akhirnya, mereka mengambil sikap negatif dengan menentang arus perkembangan perdana.

Ini memberi kesan mendalam terhadap masyarakat Islam kerana mereka dianggap sebagai cermin masyarakat yang membawa Islam kepada mereka.

Gejala ini terjadi dengan sebab kaedah dan sukatan pembelajaran yang masih mengekalkan cara tradisi lama yang hanya boleh melahirkan insan bersesuaian dengan zaman itu sahaja.

Arus pembelajaran cara tradisional perlu digubal kerana ia tidak mampu melahirkan insan yang dapat berinteraksi dengan arus perubahan sekarang demi memenuhi tuntutan zaman globalisasi khususnya dari sudut kemahiran asas dan penampilan.

Ia wajar mengambil kira kaedah pembelajaran secara moden dengan dimasukkan ilmu-ilmu moden semasa.

Pelajar yang lahir daripada arus pendidikan seperti

ini sudah tentu kurang memiliki kemahiran berkomunikasi khususnya dalam penguasaan bahasa Inggeris yang merupakan bahasa global sekarang.

Di samping itu, kemahiran bahasa utama dalam pendidikan Islam juga mereka lemah untuk menguasainya dalam berkomunikasi.

Ramai di kalangan mereka yang tidak berkemampuan berkomunikasi dalam bahasa Arab yang merupakan bahasa utama pengajian Islam.

Dalam bidang kemahiran lain pula, kita dapati mereka tidak banyak didedahkan dengan pengurusan dan kemahiran khususnya dalam bidang teknologi maklumat.

Hasil daripada kekurangan kemampuan tersebut, tugas yang mereka uruskan tidak berjalan dengan lancar dan berkesan.

Jabatan yang mereka terajui tidak mampu bersaing dan tidak mengikut perkembangan pengurusan arus perdana semasa.

Kelemahan penguasaan teknologi maklumat turut menjadi penghalang dalam kemajuan mereka. Teknologi maklumat yang perlu dikuasai di peringkat sekolah lagi telah diabaikan.

Begitu juga teknologi maklumat yang perlu diaplikasikan dalam era pentadbiran.

Hasilnya, pengurusan yang berhubung dengan agama tidak dapat diuruskan dengan lancar.

Pengurusan bersistem komputer tidak diguna pakai. Pengurusan secara talian terus tidak diperkenalkan.

## Meminggirkan

Akibat daripada meminggirkan perkembangan teknologi maklumat ini pengurusan menjadi sulit selain menggambarkan imej pengurusan Islam yang tidak baik.

Bagi graduan pula kemahiran yang sinonim dengan mereka ialah penyelidikan, khususnya yang berbentuk lapangan bagi mengetahui masalah semasa. Dengan adanya kajian seperti ini setiap permasalahan dapat diatasi.

Graduan pengajian Islam perlu mengatasi kelemahan tersebut khususnya bagi mereka yang kembali dari universiti-universiti di negara Arab.

Kelemahan tersebut menyebabkan mereka tidak mampu menangani isu semasa. Hasilnya mereka menolak isu tersebut dengan tidak memberi apa-apa penyelesaian.

Mereka ini hanya mampu memperkatakan hukum-hukum yang termaktub di dalam kitab sahaja dan tidak mampu menterjemahkannya dalam isu semasa yang dihadapi oleh masyarakat.

Bagi mengatasi masalah ini dan menjayakan matlamat memperkasakan graduan pendidikan Islam dalam perkembangan globalisasi sekarang, sekolah-sekolah agama dan juga institusi-institusi pengajian tinggi agama khususnya yang bukan di bawah kementerian perlu berani dan bersikap tegas dalam menggubal sistem pembelajaran dengan mengambil kira perkembangan semasa.

Sukatan pelajaran wajar mengambil kira keperluan semasa yang dapat membekalkan pelajar dengan

ilmu-ilmu semasa yang membolehkan mereka turut sama dalam arus perdana.

Sukatan lama yang ada perlu dirombak semula dengan dimasukkan beberapa subjek baru dan dapat memberi input yang baik kepada pelajar.

Sukatan tersebut juga perlu melihat bagaimana pelajar yang akan dilahirkan nanti sama ada ia bersesuaian dengan zamannya atau masih jauh ketinggalan.

Selain itu, kaedah pembelajaran yang berbentuk tradisi perlu menerima pembaharuan.

Pelajar tidak semata-mata disuap dengan ilmu pengetahuan dan mengeluarkannya semula dalam peperiksaan. Sebaliknya pelajar diajar bagaimana untuk memahami dan menghayati ilmu yang dipelajarinya.

Kefahaman dan penilaian amat penting dalam pembelajaran kerana ia dapat membantu pelajar untuk menterjemahkan apa yang dipelajarinya ke dalam alam kehidupannya.

Di peringkat pendidikan tinggi pula pelajar hendaklah dibekalkan dengan ilmu-ilmu yang boleh meliputi bidang pengkhususan mereka.

Ini bermakna pelajar agama tidak boleh memadai dengan pengkhususan Syariah atau Usuluddin sahaja.

Sebaliknya mereka hendaklah menambahkan dengan pengkhususan yang sesuai dengan mereka seperti undang-undang, ekonomi, pengurusan, teknologi maklumat, pendidikan dan sebagainya.

Dengan adanya integrasi ataupun gabungan ilmu-ilmu agama dengan ilmu-ilmu semasa ini, pelajar agama dapat menyesuaikan dirinya dengan arus perubahan semasa.

Selebihnya mereka boleh memberi sumbangan yang baik dalam arus perubahan lebih-lebih lagi dalam gelombang Islamisasi pengetahuan.

Agenda terpenting di peringkat ini ialah mendedahkan pelajar dengan kaedah penyelidikan semasa di mana ia banyak membantu pelajar tersebut dalam mengetahui dan memahami kedudukan sesuatu masalah.

Ramai di kalangan pelajar agama yang tidak terdedah dengan kajian ini khususnya mereka yang belajar di negara-negara Arab dan juga institusi pengajian tempatan yang bukan di bawah kelolaan kerajaan, kerana subjek tersebut tidak dititikberatkan.

Akhirnya mereka tidak mampu untuk melakukan kajian yang terperinci terhadap sesuatu fenomena yang berlaku.

Pengajian Islam dapat dimartabatkan setaraf dengan pengajian ilmu semasa dengan adanya usaha pembaharuan dan perubahan yang serius.

Penggubalan tersebut tidak bermaksud menghapuskan tradisi yang sedia ada, tetapi dengan melakukan pembaharuan dan penambahan bagi melengkapkan kekurangan dan memartabatkan mutu yang sedia ada.

● DR. ROSNI SAMAH ialah Pensyarah Fakulti Pengajian Bahasa Utama, Jabatan Bahasa Arab dan Komunikasi, Kolej Universiti Islam Malaysia (KUIM).